

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM  
[ TAMPIN ]**

**TARIKH : 20 MAC 2019 [ RABU ]**

**SOALAN NO. 36**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan hasil pelaksanaan Dasar Perumahan Negara 2018-2025 dalam memastikan golongan B40 dan M40 dapat memiliki rumah yang selesa untuk diduduki.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, melalui Dasar Perumahan Negara (DRN) 2018-2025 yang telah dilancarkan pada 28 Januari 2019, Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah merangka 57 pelan tindakan bagi menambah baik aksesibiliti dan kemampuan memiliki rumah serta memastikan perumahan yang berkualiti untuk rakyat.
2. KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) dengan kerjasama Agensi Perumahan dan Kerajaan Negeri telah merangka Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) yang merupakan sub dasar kepada Dasar Perumahan Negara (DRN) bagi menggariskan standard, spesifikasi utama serta panduan

pembangunan rumah mampu milik yang berkualiti, mampu dimiliki dan selamat didiami. Melalui DRMM, Kementerian menyarankan pemajuan perumahan mampu milik dibina dengan keluasan minimum 900kps lengkap dengan kemudahan awam seperti tadika, surau, taman permainan dan pengurusan sistem pepejal yang lebih sistematik.

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, di bawah Pelan Tindakan DRN 2018-2025, Piawaian Perumahan Berkualiti (PBB) telah diwujudkan untuk memastikan golongan B40 dan M40 dapat memiliki rumah yang selesa untuk diduduki. Piawaian ini bertujuan untuk memastikan setiap projek perumahan yang dibangunkan memenuhi syarat-syarat minimum perumahan yang berdaya huni, selesa dan selamat.
4. Selain itu, penggunaan teknologi pembinaan moden dan kaedah pembinaan terkini seperti *Industrialised Building System* (IBS) dan *Building Information Modelling* (BIM) akan diperluaskan bagi meningkatkan lagi produktiviti industri pembinaan perumahan.
5. Kualiti pembinaan hendaklah menepati ciri-ciri kediaman yang baik dan kurang memberi implikasi terhadap operasi penyelenggaraan. Untuk memastikan kos operasi berada ditahap minima, pembinaan dan penilaian Rumah Mampu Milik (RMM) mestilah memenuhi standard piawaian yang ditetapkan iaitu penarafan Penilaian *Quality Assessment System in Construction* (QLASSIC).

Sekian, terima kasih.